**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama**

**Sidang Akademik 2000/2001**

**September/Oktober 2000**

**HSC 223 – Sejarah Asia Timur**

**[Masa: 3 jam]**

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.**

Jawab **EMPAT [4]** soalan. Sekurang-kurangnya **SATU [1]** soalan, atau tidak lebih daripada **DUA [2]** soalan hendaklah dijawab dari Bahagian A.

**Bahagian A:**

1. Huraikan maksud "feudalisme China" dan "feudalisme Jepun" dan nilaikan kepentingan "feudalisme" dalam perkembangan sejarah kedua-dua negara sehingga kurun ke-19.

2. Bandingkan kedudukan dan peranan Kungfutzuisme dan Budhaisme dalam perkembangan politik dan sosial China dan Jepun sebelum kurun ke-19.

3. "China adalah suatu budaya yang amat mementingkan golongan terpelajar manakala Jepun pula suatu budaya yang mengutamakan golongan tentera". Ulaskan.

**Bahagian B:**

4. Nilaikan kepentingan zaman-zaman perpecahan antara tahun 221-589 Masehi dan 907-1279 Masehi dalam perkembangan sejarah China tradisional.

5. Sejauh manakah keadaan dan sistem politik dan sosial di Jepun pada zaman Tokugawa berbeza daripada yang terdapat pada zaman Kamakura?

6. “Orang-orang bukan Cina sentiasa dipandang rendah oleh masyarakat dan kerajaan China, dan mereka tidak banyak mempengaruhi perkembangan sejarah China”. Bahaskan.

7. Ulaskan secara kritis tradisi dan corak pensejarahan Jepun sehingga kurun ke-19.

--oo000oo--